

MAHATHIR 'R' 'R' 'R

1982

SLIM RIVER, 1 OGOS (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENECAM GOLONGAN TERTENTU DI NEGARA INI YANG CUBA MENGUBAH DASAR-DASAR KERAJAAN DENGAN MENGGUNAKAN ORANG-ORANG DAN KUMPULAN ASING.

GOLONGAN TEMPATAN INI AKAN MEMBURUK-BURUKKAN KERAJAAN DI LUAR NEGERI DI SAMPING MENARIK PERHATIAN ORANG-ORANG ASING ITU UNTUK MENEKAN KERAJAAN SUPAYA MENGUBAH DASAR-DASARNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA ORANG-ORANG ASING INI MEMPUYAI PENGETAHUAN YANG CETEK TENTANG KEADAAN DAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA INI DAN MEREKA HANYA MAMPU MELIHAT SATU SUDUT SAHAJA.

MERASMIKAN BANGUNAN BARU UMNO BAHAGIAN TANJUNG MALIM DI SINI, BELIAU BERKATA USAHA-USAHA KERAJAAN DALAM BIDANG KESELAMATAN ADALAH SEMATA-MATA UNTUK MENJAMIN KESELAMATAN DAN MASA DEPAN RAKYAT.

+TETAPI KETIKA KITA CUBA MENYELAMATKAN RAKYAT KITA SENDIRI DARI ANCAMAN PENGGANAS KOMUNIS, YANG MERUPAKAN SALAH SATU ANCAMAN UTAMA KEPADA NEGARA, ADA PULA PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG MEMBURUK-BURUKKAN NIAT BAIK KERAJAAN INI,+ KATANYA. --LAGI 1230/MD

MAHATHIR 2 SLIM RIVER

+KITA MAHU DUNIA MENGADILI KITA SETELAH MENDENGAR MASALAH-MASALAH YANG KITA HADAPI TETAPI MEREKA JANGANLAH MEMBERI ARAHAN KEPADA KITA. ARAHAN INI HANYA DATANG DARI RAKYAT.

+RAKYAT BOLEH MENUKAR KERAJAAN SETIAP LIMA TAHUN SEKALI DAN PEMILIHAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA KEBANGSAAN TAHUN INI MENUNJUKKAN DENGAN JELAS BAHAWA RAKYAT MENYOKONG DASAR DAN PENDIRIAN KERAJAAN.

+OLEH ITU TIDAK PATUT BAGI GOLONGAN YANG KALAH DALAM PILIHANRAYA ITU MENGGUNAKAN LAIN-LAIN TEMPAT DI LUAR NEGERI UNTUK CUBA MENUKAR DASAR-DASAR KERAJAAN YANG TELAH PUN DITERIMA OLEH RAKYAT SENDIRI.

+KALAU RAKYAT FIKIR DASAR KERAJAAN YANG TELAH DILAKSANAKAN SELAMA INI TIDAK BETUL, MEREKA BOLEH MENUKARKAN KERAJAAN YANG ADA SEKARANG DALAM SESUATU PILIHANRAYA.

+BAGAIMANAPUN, SAYA YAKIN PENUH SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA RAKYAT MENYOKONG KERAJAAN DAN DASAR-DASAR YANG TELAH, SEDANG DAN AKAN DILAKSANAKAN,+ TEGASNYA. -- LAGI 1243/IB

MAHATHIR 3 SLIM RIVER

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BETAPA PENTING BAGI UMNO MENGEKALKAN KEMERDEKAAN NEGARA MELALUI PEMIKIRANNYA SENDIRI DAN BUKANNYA ATAS DORONGAN LAIN-LAIN PIHAK DI LUAR NEGERI.

+SEKIRANYA PARTI DAN KERAJAAN GAGAL MEMPERTAHANKAN INI SERTA TERPAKSA TUNDUK KEPADA ORANG ASING BERMAKNA NEGARA INI BUKAN LAGI MERDEKA,+ TEGASNYA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MEMUJI LANGKAH KETUA UMNO BAHAGIAN TANJUNG MALIM, HAJI R.M. IDRIS YANG MENGUNDUR DIRI DARI JAWATANNYA SECARA SUKARELA UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA ORANG-ORANG MUDA.

LANGKAH INI, JELASNYA, ADALAH SELARAS DENGAN USAHA UNTUK MEMUJUDKAN PEMIMPIN PELAPIS YANG DAPAT MENGEKALKAN UMNO SEBAGAI SEBUAH PERTUBUHAN UTAMA MELAYU DAN DI NEGARA INI.

BELIAU BERHARAP PEMIMPIN-PEMIMPIN TERTENTU YANG TELAH UZUR DAN TIDAK BERKESAN LAGI AKAN MENCONTOHI LANGKAH HAJI IDRIS INI DENGAN MEMBERI PELUANG KEPADA LAIN-LAIN PEMIMPIN MUDA. --LAGI 1238/MD 8527

MAHATHIR 4 SLIM RIVER

MENGENAI BANGUNAN IBUPEJABAT UMNO DI KUALA LUMPUR, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEJAK EILANCARKAN KUTIPAN DERMA DARI PARA ANGGOTA PARTI UNTUK PEMBINAANNYA DUA TAHUN LALU BERU \$200,000 SAHAJA DIKUMPUL SETAKAT INI.

BELIAU BERHARAP KUTIPAN INI AKAN MENINGKAT MEMANDANGKAN KEANGGOTAAN PARTI DI SELURUH NEGARA BERJUMLAH 750,000 ORANG.

TURUT HADIR DI PEMBUKAAN BANGUNAN BERHARGA \$200,000 ITU IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, MENTERI BESAR PERAK, DATUK SERI HAJI WAN MOHAMED HAJI WAN TEH DAN MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATUK MAK HON KAM. --BERNAMA 1250/MD